

10 AUG 2002

Mahathir-Badminton (Bergambar)

PERDANA MENTERI TUTUP KEJOHANAN BADMINTON PIALA PERDANA

IPOH, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menutup kejohanan Badminton Piala Perdana edisi ke-17 di Stadium Indera Mulia, di sini.

Kejohanan yang melibatkan isteri-isteri Menteri dan wakil rakyat ini berlangsung sejak Rabu lepas dan menyaksikan penglibatan 12 pasukan dari setiap negeri kecuali Kelantan dan Terengganu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Naib Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Endon Mahmud, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri dan beberapa Menteri Kabinet.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata kejohanan sukan seperti ini perlu diteruskan lagi di masa depan kerana ia boleh menyatukan isteri-isteri wakil rakyat yang berbilang kaum dan melambangkan perpaduan rakyat di negara ini.

"Sukan badminton ini sepatutnya digalakkan untuk diminati oleh seramai orang yang mungkin. Dengan adanya pertandingan seperti ini, ia boleh memupuk semangat yang kuat di kalangan setiap individu," katanya.

Perdana Menteri secara berseloroh berkata orang sering mengambil beliau sebagai contoh dalam segala aspek tetapi beliau meminta supaya perkara ini tidak dilakukan dalam sukan.

"Saya bukannya jenis orang yang meminati sukan seperti isteri saya. Ambil orang lainlah sebagai contoh," katanya.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah berkata kejohanan badminton ini akan diteruskan di masa-masa akan datang selagi kerajaan Barisan Nasional (BN) masih berkuasa.

Kejohanan yang bermula pada tahun 1985 ini pada awalnya menyaksikan 14 pasukan dari seluruh negara mengambil bahagian tetapi selepas kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu jatuh ke tangan pembangkang, kini hanya tinggal 12 pasukan.

"Dua pasukan itu ada datang kali ini sebagai pemerhati. Saya berharap di masa akan datang mereka akan dapat turut serta bertanding kerana ia akan dapat merapatkan perpaduan," katanya.

Kejohanan kali ini dimenangi Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Sabah (Bakisa) setelah menewaskan Badan Amal dan Usaha Isteri-isteri Perak (Baiduri) 3-2 pada perlawanan akhir sebelum majlis penutup. Ini adalah kemenangan Bakisa yang kelima berturut-turut.

-- BERNAMA

AR KAY PR